

BOLA KERANJANG

1. NAMA

Rujuk Perkara 1 Peraturan Am Sukan MASUM

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

3. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

3.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Bola Keranjang Antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan oleh FIBA.

3.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

3.3. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan dan undang-undang berkenaan diputuskan seperti berikut:

3.3.1. Semua kejadian am akan diputuskan oleh AHLI MASUM

3.3.2. Sebarang persoalan tentang teknikal akan dijawab oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM

3.4. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-

3.4.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (**MASUM**) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3.4.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada **Undang-Undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA)**.

3.4.3. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM **muktamad**.

4. KELAYAKAN

Rujuk Perkara 3 Peraturan Am Sukan MASUM

5. PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

5.1. Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar 12 orang pemain serta dua (2) orang pegawai di dalam Borang Pendaftaran Pemain seperti berikut:-

| | |
|------------------|-----------------|
| PEMAIN | 12 orang |
| PENGURUS | 1 orang |
| JURULATIH | 1 orang |

6. REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL/PENGADIL

6.1. Rujuk Perkara 6 Peraturan Am Sukan MASUM.

6.2. Pengadil bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi tiap-tiap permainan yang dipertandingkan mulai dari peringkat awal.

7. PAKAIAN

7.1. Setiap pasukan mestilah mempunyai dua (2) set baju yang berlainan warna iaitu putih dan warna gelap.

7.2. Untuk pertandingan, mana-mana pasukan yang disebutkan nama terdahulu akan memakai warna putih, sementara lawannya memakai warna gelap.

7.3. Nombor baju hendaklah bermula dari nombor 4 hingga nombor 15 dengan menggunakan huruf biasa. Tinggi nombor hendaklah 2 inci x 4 inci di hadapan dan 4 inci x 8 inci di belakang.

8. SISTEM PERTANDINGAN

8.1. Rujuk Perkara 9 Peraturan Am Sukan MASUM.

8.2. Pusingan kedua akan dijalankan secara KALAH MATI yang terdiri daripada Johan Kumpulan. Sementara Naib Johan kumpulan layak memasuki pusingan kedua

sekiranya perlu, yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.

- 8.3. Sebelum perlawanan dimulakan, pasukan-pasukan hendaklah menyerahkan borang-borang senarai pemain yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit sebelum pertandingan bermula.
- 8.4. Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan, kiraan mata diperolehi sama, maka keputusan akan ditentukan mengikut Peraturan FIBA.
- 8.5. Permainan mengandungi empat (4) bahagian iaitu sepuluh (10) minit setiap tempoh. Masa rehat ialah dua (2) minit di antara tempoh pertama dan kedua, ketiga dan keempat, juga sebelum setiap tempoh tambahan masa.
- 8.6. Rehat separuh masa ialah sepuluh (10) minit dan tempoh tambahan masa lima (5) minit sehingga satu pasukan diisytiharkan pemenang.

9. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

- 9.1. Semua pertandingan di dalam kumpulan yang dijalankan secara liga akan diberi mata seperti berikut:-

| MENANG | KALAH | WALK-OVER |
|---------------|--------------|------------------|
| 2 MATA | 1 MATA | MATA |

- 9.2. Mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA).

10. KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

- 10.1. Setiap pasukan hendaklah berada di gelanggang dua puluh (20) minit sebelum masa perlawanan dimulakan. Pasukan yang bermain akan diumumkan oleh Jawatankuasa Teknikal. Masa yang diberi lima belas (15) minit untuk pasukan melaporkan diri. Pasukan yang lewat lima belas (15) minit dari masa pertandingan yang telah dijadualkan tanpa memberi alasan yang munasabah adalah dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.

- 10.2. Pasukan yang melakukan kesalahan menurut **Perkara 10.1** di atas akan diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan dan semua keputusan perlawanan yang terdahulunya tidak diambil kira.

11. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Rujuk Perkara 12 Peraturan Am Sukan MASUM.

12. RAYUAN / BANTAHAN

- 12.1. Rujuk Perkara 13 dan 15 Peraturan Am Sukan MASUM.
- 12.2. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.
- 12.3. JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB**
- 12.3.1. Pelantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah mengikut yang digunakan oleh Persatuan Bola Keranjang Malaysia seperti berikut :-
- 12.3.2. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MASUM atau wakil dari kalangan ahli MASUM.
- 12.3.3. Pengerusi Teknikal Kejohanan atau wakil Pengerusi Permainan atau Pengarah Kejohanan
- 12.3.4. Tiga orang Ahli Jawatankuasa Permainan MASUM yang berkecuali.
- 12.4. Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bermesyuarat dalam masa 2 jam setelah menerima bantahan rasmi daripada Pengarah/Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 12.5. Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

13. PENANGGUHAN PERLAWANAN

Rujuk Perkara 11 Peraturan Am Sukan MASUM.

14. HADIAH

Rujuk Perkara 18 Peraturan Sukan MASUM

15. PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk Perkara 21 Peraturan Am Sukan MASUM